

PM persoal niat Pas pinda perlembagaan negeri

Oleh Kadir Dikoh

BH 30 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan niat kerajaan Kelantan meminda Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri itu yang dianggap lebih bersifat membalas dendam.

Perdana Menteri menegaskan pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri itu juga tidak boleh disamakan dengan tindakan Kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan pada 1993 bagi memansuhkan kekebalan raja dari segi undang-undang.

Beliau berkata, pindaan yang dibuat Kerajaan Pusat bertujuan mencegah raja melakukan sebarang perbuatan jenayah, dan bukan untuk membalas dendam.

“Kita buat dengan niat lain, kita bukan niat pasal perkara remeh temeh seperti macam nak balas dendam... kita cuma nak ada undang-undang ini untuk menjaga orang ramai, kalau-kalau ada perbuatan yang bercanggah dengan undang-undang oleh raja-raja, tetapi ini (pindaan oleh Kerajaan Kelantan) bukan kerana itu, ini niat lain.

“Kalau mereka mempunyai niat yang sama dengan kita untuk menghalang pelakuan jenayah oleh raja-raja, sepatutnya dulu lagi mereka sudah lulus undang-undang ini.

“Kenapa sekarang baru nak lulus... ada niat lain,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan dan menyampaikan hadiah Kejohanan Ekuestrian Antarabangsa Tenaga Nasional Bhd (TNB) 2001 di Kelab Polo dan Menunggang Kuda Selangor, Ampang Hilir, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas cubaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengaitkan pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 1993 dengan pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Negeri itu yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) 25 Jun lalu.

Nik Aziz mendakwa pindaan itu tidak mempunyai kaitan politik, tetapi lebih kepada aspek pentadbiran dan sebarang persoalan berhubung isu itu sepatutnya dirujuk kepada Dr

Hubungan kerajaan Kelantan, istana renggang

DARI MUKA 1

Mahathir yang membentangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan di Parlimen pada 1993.

Ketika itu, kerajaan Pas Kelantan menentang dan menolak pindaan yang dicadangkan Kerajaan Pusat.

Bagaimanapun, sejak Parti Semangat 46 (S46) dibubarkan dengan hampir semua pemimpinnya termasuk Presiden parti itu, Tengku Razaleigh Hamzah, menyertai semula Umno tiga tahun lalu, hubungan kerajaan Pas Kelantan dan Istana mula renggang.

Keadaan menjadi semakin tegang apabila Istana Kelantan pada awal tahun ini, menarik balik darjah kebesaran Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah, Mohamad Daud serta Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah, Takiyuddin Hassan yang juga Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan.

Mohamad sebelum ini dianugerahkan Darjah Kebesaran Mahkota Setia Kelantan (SMK), manakala Takiyuddin menerima Bintang Ahli Setia Kelantan (ASK).

Sebelum itu, Dewan Pemuda Pas Kota Bharu pada mesyuarat agungnya 12 April 1996, meluluskan usul meminta kerajaan negeri mengkaji dan mengawal pembabitan Istana.

Ini diikuti Dewan Pemuda Pas Pasir Mas yang bermesyuarat seminggu selepas itu dan meluluskan usul mendesak tindakan tegas diambil terhadap segelintir pegawai kanan yang dikatakan mempergunakan Istana untuk campur tangan dalam pentadbiran dan pelaksanaan dasar kerajaan negeri.

Berikutan itu, pada 25 Jun lalu DUN Kelantan meluluskan pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan bagi menghadkan kuasa Sultan dan dipersetujui 40 daripada 42 Adun. Dua Adun Barisan Nasional (BN) tidak hadir pada sidang itu.

Semalam, Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang, menegaskan Sultan Kelantan sekali lagi mengulangi pendiriannya tidak akan menandatangani pindaan undang-undang itu.

Mengulas perkara itu, Dr Mahathir berkata, pindaan itu tidak akan menjadi undang-undang jika Sultan Kelantan tidak menandatangani.

“Prosedur dari segi buat undang-undang biasa saja... Dewan Undangan Negeri lulus undang-undang, tapi mesti dapat tandatangan raja,” katanya.